



# Program Wacana Sosial - Memasyarakatkan Perlembagaan

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan forum 'Wacana Sosial : Memasyarakatkan Perlembagaan' pada 22 Februari 2009 lalu di Dewan 2020 Kangar.

Forum yang bertajuk 'Kedaulatan Undang-Undang & keluhuran Perlembagaan' itu akan dikendalikan oleh En. Hirwan Jasbir Jaafar dan ahli panel yang akan mengambil bahagian ialah Bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Dato' Mohamad Nor Abdullah; Fakulti Undang-undang Kulliyah, Prof. Dr. Abdul Aziz Bari; Rektor Kolej Yayasan Melaka, Datuk Prof. Ramlah Adam dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UniMAP, Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain. Menurut Ketua Penyelaras Program, Cik Mahyun Abdul Wahab, program ini juga bertujuan untuk memberi input tentang perlembagaan kepada pelajar UniMAP.

"Kita mahu memberi input-input yang berguna ini kerana sejak akhir-akhir ini banyak suara yang seakan mencabar

perlembagaan Persekutuan Negara tanpa merujuk kepada peruntukan undang-undang," katanya.

Selain itu, ianya adalah sebagai pembimbing utama untuk membentuk minda kelas pertama kepada mahasiswa dan pelajar untuk mengenali budaya dan bangsa serta melahirkan mahasiswa yang berfikiran dinamik dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara.

Forum yang bertemakan "Mahasiswa Global Berpaksikan Perlembagaan" itu adalah antara tujuh program wajib tanpa kredit yang diwajibkan kepada pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda UniMAP dan turut dibuka kepada 200 pelajar sekolah menengah sekitar negeri Perlis.

Hadir sama pada forum itu ialah Canselor UniMAP, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajudin Jamalulail yang turut membentangkan titah ucaptamanya.